

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**DATO' DR ISMAIL BIN HJ PARLAN  
KETUA PENGARAH INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN  
MALAYSIA (FRIM)**

**SEMPENA  
MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN, JASAMU DIKENANG DAN  
PELANCARAN SAMBUTAN ULANG TAHUN FRIM KE-40  
11 SEPTEMBER 2025**

**DEWAN MERDEKA  
WORLD TRADE CENTRE KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis,

**YANG BERHORMAT DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI**

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

**YANG BERBAHAGIA DATUK DR CHING THOO A/L KIM**

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

**YANG BERUSAHA HJ. MOHD AZMAN BIN HJ. MOHD ARIFFIN**

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), NRES

**YANG BERUSAHA ENCIK SIVA KUMAR A/L SOLAY RAJAH**

Setiausaha Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan (BPBP), NRES

**YANG BERBAHAGIA TAN SRI DR SALLEH MOHD NOR**

Ketua Pengarah FRIM yang pertama

**YANG BERUSAHA DR KHALI AZIZ HAMZAH**

Ketua Pengarah FRIM yang keempat

Ahli-ahli Anggota Institut FRIM

Wakil-wakil Kementerian

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah FRIM

## Para alumni FRIM

Para penerima anugerah dan pesara FRIM yang diraikan, serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, kita dapat berkumpul dalam majlis yang penuh bermakna untuk FRIM iaitu Majlis Anugerah Kecemerlangan, Jasamu Dikenang dan Pelancaran Sambutan Ulang Tahun FRIM ke-40.
2. Saya mewakili warga FRIM mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua tetamu jemputan, terutamanya YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani yang sudi memilih untuk hadir pada program kami pada pagi ini. Untuk makluman YB Datuk Seri, kami jarang-jarang mengadakan sambutan seperti ini di luar kampus Kepong atas faktor kewangan, namun bersempena 40 tahun dan pengiktirafan FRIM selaku Tapak Warisan Dunia UNESCO, kami telah mendapatkan kelulusan dari Anggota Institut (AI) yang dipengerusikan oleh YBhg Datuk Ketua Setiausaha NRES.
3. Majlis pada hari ini merupakan simbol kejayaan empat dekad penubuhan FRIM serta bertujuan meraikan dan menghargai semua warga FRIM yang telah menyumbang kepada kecemerlangan Institut dalam memajukan penyelidikan perhutanan, pemuliharaan biodiversiti, pembangunan teknologi hijau dan usaha kelestarian alam.
4. Seperti yang dimaklumkan, FRIM Forest Park Selangor telah diiktiraf secara rasmi sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 11 Julai yang lalu. Ia merupakan pertama di Lembah Klang/Selangor dan ke-6 untuk Malaysia. Sejak ditubuhkan pada tahun 1985, FRIM telah memainkan peranan penting dalam menerajui dan memajukan penyelidikan perhutanan, memelihara biodiversiti, membangunkan teknologi hijau dan hiliran berdasarkan perkayuan, tumbuhan ubatan dan beraroma serta memacu pelbagai inisiatif ke arah kelestarian alam sekitar di peringkat nasional dan antarabangsa.
5. Untuk makluman YB Datuk Seri, FRIM berasal daripada kawasan yang terjejas teruk kesan daripada perlombongan bijih timah. FRIM telah dibangunkan melalui penyelidikan penghutanan semula sejak zaman

kolonial British, tepatnya 100 tahun yang lalu (~tahun 1925), sehingga menjadi sebuah landskap hutan hujan tropika buatan manusia antara yang terawal dan terbesar di dunia, seperti mana yang digariskan dan diperaku menepati Criterion-IV UNESCO World Heritage Site.

6. Selain itu, tarikan tersendiri FRIM sebagai hutan hujan tropika buatan manusia dengan komposisi biodiversiti hutan yang amat kaya; serta legasi kejayaan 100 tahun penghutanan semula telah membolehkan FRIM mendapat pengiktirafan tersebut.
7. Ke hadapan, FRIM akan menggembeling usaha secara bersepada bagi membangunkan pelbagai produk ekopelancongan warisan dunia dengan menjadikan pakej "forested landscape" berlatar belakangkan cultural-historical sebagai fokus utama. Arahan terbaru oleh YBhg Datuk KSU untuk FRIM menyediakan pakej komersil 'forest bathing/ forest healing'.

## **SUMBANGAN R&D FRIM KEPADA NEGARA DAN DI PERINGKAT GLOBAL**

**Yang Berhormat Datuk Seri/ YBhg Tan Sri/ Datuk/Dato'/Tuan-Tuan/Puan-Puan sekalian,**

8. Suka saya meyentuh sedikit tentang fungsi FRIM iaitu: Merancang dan melaksanakan R&D sektor perhutanan, Pemuliharaan sumber hutan dan alam sekitar; Memperolehi dan menyebarkan maklumat hasil penyelidikan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan hutan dan penggunaan hasil hutan, dan; Mengadakan hubungan kerjasama R&D perhutanan dengan agensi-agensi dalam dan luar Malaysia.
9. Antaranya, FRIM menjalankan penyelidikan saintifik untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca negara di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) dan Perjanjian Paris; serta menyumbang secara langsung dalam membantu Malaysia memenuhi tanggungjawab di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD) melalui kajian biodiversiti hutan.

10. Dalam aspek pengurusan hutan secara berkekalan, FRIM memberi bantuan kepada sistem Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS) terhadap pematuhan standard pengurusan hutan di bawah Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC). FRIM turut menyokong pelaksanaan CITES, dengan membangunkan kaedah DNA forensik untuk pengecaman dan pengenalpastian spesies kayu bagi membantu usaha membanteras perdagangan kayu haram di peringkat antarabangsa.
11. Pada tahun 2012, FRIM diberi tanggungjawab menguruskan kelangsungan bekalan buluh sebagai makanan panda tersebut sepanjang 10 tahun panda berada di Zoo Negara. Sumbangan ini menunjukkan bagaimana penyelidikan perhutanan juga menjadi alat diplomasi biodiversiti dan memperkuuh hubungan dua hala antara negara.
12. FRIM juga telah menyumbang kepakaran teknikal dalam pemilihan spesies pokok, perancangan landskap ekologi, serta garis panduan pemuliharaan flora semula jadi melalui pembangunan “Airport in the Forest, Forest in the Airport” di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang telah siap pada tahun 1995.

## **PENCAPAIAN DAN PENGIFTIRAFAN FRIM**

13. Untuk makluman YB Datuk Seri, FRIM telah meraih pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa yang mengiktiraf kepakaran R&D FRIM dalam bidang perhutanan dan keluaran hutan. Antara anugerah berprestij yang telah diterima termasuk; Anugerah Sains Mahathir pada tahun 2009 atas sumbangan FRIM dalam R&D industri getah di Malaysia, khususnya dalam industri perabot berasaskan kayu getah; Nikkei Asia Prize bagi kategori sains, teknologi dan inovasi sebagai mengiktiraf sumbangan FRIM kepada pemuliharaan alam sekitar di rantau Asia; Anugerah The BrandLaureate Best Brands™ sebagai Jenama Terbaik dalam Perhutanan dan Pemuliharaan Alam Sekitar; Anugarah Sains dan Teknologi IDB pada 2012 atas sumbangan FRIM kepada kemajuan ekonomi negara melalui aplikasi sains dan teknologi dalam bidang perhutanan tropika; beberapa Anugerah Buku Negara sejak tahun 2010 yang mengiktiraf kepentingan penerbitan buku mesra ilmu dan teknikal oleh FRIM; Anugerah Inovasi Negara 2013 (Kategori Produk)

dan Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) 2014 (Kategori Paten) untuk sistem rawatan kayu melalui Pengeringan Suhu Tinggi (HTD); FRIM juga memegang 48 rekod kebangsaan dalam Malaysia Book of Records (MBR); serta anugerah UNESCO Sultan Qaboos Prize 2021 yang mengiktiraf sumbangan FRIM terhadap usaha ‘Pemuliharaan Alam Sekitar’. Untuk rekod FRIM satu-satunya agensi dalam Malaysia yang pernah menerima anugerah ini.

14. Inovasi serta produk FRIM yang dipertandingkan dalam pameran-pameran inovasi seperti Pameran Rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (International Invention, Innovation and Technology Exhibition, ITEX) dan Ekspo Teknologi Malaysia (Malaysian Technology Expo, MTE) turut berjaya mengekalkan pencapaian yang amat membanggakan setiap tahun.
15. Dalam 40 tahun ini, FRIM telah berjaya menghasilkan lebih 590 pendedahan rekacipta dengan 59 paten aktif serta pelbagai bentuk harta intelek yang lain. Daripada jumlah itu, sejumlah 13 pelesenan aktif dan 5 daripadanya sedang disub-lesen kepada pihak yang berkepentingan bagi tujuan komersialisasi.
16. Selain itu, jurnal terbitan FRIM, Journal of Tropical Forest Science (JTFS), telah menerima CREAM Award sebanyak dua kali iaitu pada 2018 dan pada 2025 (Anugerah Malaysian Research Star Award) oleh Kementerian Pendidikan Tinggi sebagai jurnal berindeks berimpak tinggi.
17. FRIM juga mempunyai syarikat milikan penuh iaitu, FRIM Incorporated Sdn Bhd yang membantu usaha komersialisasi produk dan perkhidmatan FRIM. Sekurang-kurangnya 40 syarikat memperoleh khidmat kepakaran FRIM setiap tahun sejak 2017; dan sehingga kini sejumlah 400 jenis perkhidmatan teknikal telah ditawarkan kepada sektor huluan dan hiliran di negara ini. Kini FRIM Inc. sedang mempelopori usaha pembekalan anak benih hutan secara besar-besaran untuk pasaran antarabangsa/eksport.

**Yang Berhormat Datuk Seri/ YBhg Tan Sri/ Datuk/Dato’/Tuan-Tuan/Puan-Puan sekalian,**

18. Dari segi sumbangan kepada pihak komuniti, FRIM merupakan agensi pelaksana bagi program-program dengan pengisian aktiviti masyarakat dan libat urus bersama agensi serta pemimpin tempatan bagi memperkuuh kesejahteraan desa. Antaranya program Semarak Desa NRES di Kampung Aril, Melor, Kelantan dan Kampung Nangka Siam, Pendang, Kedah. Selain itu, FRIM juga terlibat dalam pembangunan Denai Alam Aman di Pulau Aman, Pulau Pinang oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); serta menyantuni komuniti Orang Asli melalui Program Santuni MADANI FRIM di Kampung Orang Asli Bukit Lagong, Selangor.

## **PENGHARGAAN KEPADA PENERIMA APC**

19. Bersempena Majlis Anugerah Kecemerlangan FRIM pada pagi ini, penerima bagi 11 kategori anugerah melibatkan seramai 233 kakitangan secara individu atau pun mewakili projek penyelidikan dan kumpulan akan diraikan. Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada kesemua penerima anugerah. Majlis ini memberikan penghargaan kepada kakitangan FRIM yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang dan menujukkan prestasi terbaik sepanjang tahun 2024.

20. Pencapaian yang ditunjukkan bukan sahaja membuktikan potensi diri, tetapi juga mencerminkan semangat kerja berpasukan yang tinggi serta kebolehan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Saya berharap anugerah ini akan menjadi pemangkin semangat untuk terus berusaha dengan lebih gigih, inovatif, dan berintegriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

21. Selain menghargai kecemerlangan penjawat awam dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan, kakitangan yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang sukan serta sumbangan kepada komuniti FRIM dan masyarakat luar turut dirai melalui Anugerah Sukan dan Anugerah Khidmat Masyarakat.

22. Kejayaan sesebuah organisasi terletak kepada kecemerlangan warga kerjanya sehubungan itu amatlah besar harapan saya agar kerjasama yang baik dan sentiasa menyokong di antara satu sama lain dapat diteruskan kerana kebersamaan dan pemuaafakatan dalam melaksanakan tanggungjawab yang digalas pasti akan membawa hasil yang cemerlang.

## **PENGHARGAAN KEPADA PESARA**

**Yang Berhormat Datuk Seri/ YBhg Tan Sri/ Datuk/Dato'/Tuan-Tuan/Puan-Puan sekalian,**

23. Sudah menjadi adat, setiap pertemuan ada perpisahan, setiap permulaan ada penghujungnya. Saya bagi pihak FRIM ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas jasa bakti yang telah dicurahkan oleh pesara dan bakal pesara sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. FRIM amat bertuah kerana mempunyai kakitangan yang komited, berintegriti dan profesional. Pengorbanan, dedikasi, dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh setiap seorang daripada tuan-tuan dan puan-puan, terutamanya dalam mengharungi pelbagai cabaran dan perubahan, sangatlah dihargai. Tuan-tuan dan puan-puan sebenarnya yang menjadi tulang belakang kepada kemajuan dan kejayaan FRIM seperti yang saya sebutkan di awal ucapan saya tadi.
24. Jasa dan sumbangan tuan/tuan dan puan/puan, baik dari segi idea, tenaga, mahupun kepakaran dan komitmen, akan sentiasa dikenang yang akan menjadi contoh dan inspirasi kepada kami yang masih meneruskan perjuangan ini.
25. Semoga fasa persaraan ini membawa kebahagiaan, kesihatan yang baik, dan ketenangan buat tuan-tuan dan puan-puan dan keluarga serta teruskanlah menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat.

## **SAMBUTAN ULANG TAHUN FRIM KE-40**

**Yang Berhormat Datuk Seri/ YBhg Tan Sri/ Datuk/Dato'/Tuan-Tuan/Puan-Puan sekalian,**

26. Pelancaran Sambutan Ulang Tahun FRIM Ke-40 yang mana penganjurannya bukan sekadar meraikan pencapaian FRIM selama empat (4) dekad tetapi juga untuk mengukuhkan kesedaran umum tentang kepentingan penyelidikan perhutanan dan kelestarian alam sekitar dengan memperkenalkan peranan dan pencapaian FRIM kepada orang ramai.

27. Bersempena ulang tahun FRIM yang ke-40 ini, FRIM akan menganjurkan satu Hari Terbuka pada 4 Oktober 2025 sebagai acara kemuncak dalam rangkaian program sambutan sepanjang tahun untuk mengeratkan hubungan FRIM dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk orang awam, komuniti setempat, institusi pendidikan, sektor korporat, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan.
28. Hari Terbuka FRIM ini akan menyediakan pelbagai pengisian menarik, antaranya lawatan berpandu ke makmal-makmal penyelidikan terpilih, aktiviti di denai alam semula jadi, serta program eko-pendidikan yang melibatkan pelajar dan komuniti setempat. Para pengunjung juga berpeluang melawat pusat-pusat rujukan penyelidikan FRIM yang unik dan berprestij seperti Pusat Teknologi Herba (HTC), Herbarium dan Xylarium. Di samping itu, pelbagai pameran, demonstrasi penyelidikan, serta perkongsian ilmu oleh para pegaai penyelidik FRIM akan turut diadakan bagi memberi pendedahan yang lebih mendalam tentang kepakaran dan sumbangan FRIM dalam pelbagai bidang R&D perhutanan negara.
29. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah atas kecemerlangan yang ditunjukkan sepanjang tahun 2024, terima kasih buat pesara dan bakal pesara FRIM atas sumbangan dan khidmat bakti yang dicurahkan sepanjang berkhidmat di FRIM. Penghargaan juga kepada Jawatankuasa Pengelola dan urusetia FRIM yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis pada hari ini. Dan tentunya terima kasih sekali lagi kepada semua para tetamu jemputan dan YB Datuk Seri Menteri atas kehadiran yang tentunya amat bermakna buat kami warga FRIM.

Sekian,            Wabillahhittaufiq            Walhidayah            Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih dan salam hormat.

**ATUR CARA**  
**MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN, JASAMU DIKENANG DAN**  
**PELANCARAN SAMBUTAN ULANG TAHUN FRIM KE-40**

**11 SEPTEMBER 2025 (SELASA)**  
**PUSAT DAGANGAN DUNIA (WTC), KUALA LUMPUR**

<b>MASA</b>	<b>PROGRAM</b>
9.15 pagi	Ketibaan Tetamu Jemputan
9.30 pagi	Ketibaan Yang Berhormat Menteri
	Bacaan Doa
	Lafaz Ikrar
	Nyanyian Lagu Negaraku dan Warisan Negara
9.45 pagi	Ucapan Alu-aluan Yang Berbahagia Dato' Dr Ismail bin Hj.Parlan Ketua Pengarah FRIM
10.00 pagi	Ucapan perasmian Yang Berhomat Datuk Seri Johari Abdul Ghani Memangku Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tayangan Montaj Kecemerlangan 40 Tahun FRIM</li> <li>• Gimik Perasmian</li> </ul>
	Penyampaian Anugerah Kecemerlangan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Anugerah Pekerja Terbaik Tahunan</li> <li>• Anugerah Penyelidikan Terbaik</li> <li>• Anugerah Saintis Terbaik</li> <li>• Anugerah Ketua Pengarah</li> <li>• Anugerah Institut</li> </ul> Penyampaian Cenderahati kepada YB Menteri Persempahan Selingan
	Penyampaian Anugerah Kecemerlangan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (Individu)</li> <li>• Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (Kumpulan)</li> </ul> Penyampaian Cenderahati
	Penyampaian Anugerah Kecemerlangan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Anugerah Khidmat Masyarakat</li> <li>• Anugerah Khidmat Setia</li> <li>• Anugerah Inovasi dan Kualiti</li> <li>• Anugerah Penerbitan</li> <li>• Anugerah Sukan</li> </ul> Penyampaian Cenderahati
	Tayangan Montaj Jasamu Dikenang Ucapan Wakil Pesara Penyampaian cenderahati Jasamu Dikenang
12.30 tengah hari	Bersurai

\*Jamuan bermula pada 11.30 pagi